

NGKUTAN

PELAKSANAAN CAJ JALAN RAYA RM20

Kerajaan Johor dapat RM5 daripada bayaran RC

Fakta
nombor

RM2.88

JUTA

jumlah pungutan awal RC berdasarkan jumlah 144,000 kenderaan Singapura berdaftar dalam Sistem Permit Masuk Kenderaan (VEP)

➔ Tolak dakwaan diskriminasi terhadap kenderaan Singapura

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

► Segamat

Kerajaan Johor akan mendapat RM5 daripada setiap bayaran caj jalan raya (RC) sebanyak RM20 yang bakal dilaksanakan di Tambak Johor dan Link Kedua mulai Selasa ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata sehingga Julai lalu, sebanyak 144,000 kenderaan Singapura didaftarkan menerusi sistem Permit Masuk Kenderaan (VEP).

Katanya, kira-kira 20,000 kenderaan Singapura memasuki Malaysia menerusi Tambak Johor dan Link Kedua setiap hari serta jumlah berkenaan berganda pada hujung minggu dan cuti perayaan.

“Pelaksanaan RC mulai Selasa ini di

Tambak Johor dan Link Kedua sudah dimaklumkan kepada Kementerian Pengangkutan Singapura selepas kita berjaya menjalankan tempoh percubaan selama dua bulan.

“Kerajaan Johor berhak mendapat RM5 daripada setiap bayaran RM20 yang dikenakan terhadap kenderaan Singapura menerusi pelaksanaan RC ini,” katanya selepas melawat Tokong Pertubuhan Penganut Dewa Tai Poh Yah di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dan Kepenggunaan Johor, Datuk Tee Siew Kiong.

Tiong Lai turut menolak dakwaan pelaksanaan RC adalah diskriminasi terhadap kenderaan Singapura, seperti didakwa Kementerian Pengangkutan Singapura.

“Singapura sudah berpuluh tahun mengenakan bayaran masuk terhadap kenderaan Malaysia, sedangkan Malaysia baru nak memulakannya bulan depan. Jika Singapura mahu mengenakan langkah sama (RC) terhadap kenderaan Malaysia selepas ini, itu hak mereka,” katanya.

Kelmarin, Tiong Lai mengumumkan semua kenderaan persendirian dengan nombor pendaftaran asing memasuki Malaysia melalui Johor akan dikenakan RC sebanyak RM20 bermula Selasa ini, yang dikutip me-

lalui sistem kad ‘Touch n’Go’.

Projek EDTP RM7.13 bilion

Sementara itu, Tiong Lai berkata, pembinaan projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru (EDTP) dengan kos keseluruhan RM7.13 bilion akan dibina bulan depan.

Beliau berkata, pembinaan membabitkan jajaran landasan sepanjang 197 kilometer itu mengambil masa empat tahun untuk disiapkan dan dijangka beroperasi pada penghujung tahun 2020.

Katanya, proses pengambilan tanah projek EDTP yang selesai sejak lima tahun lalu apabila siap kelak akan memberi kesan lonjakan ekonomi yang besar kepada Johor dan memanfaatkan rakyatnya.

“Program pecah tanah projek itu dan perinciannya akan diumumkan sedikit masa lagi. Pembinaannya turut menggunakan teknologi baharu dan dijangka mampu mengurangkan zon penampakan landasan berkembar serta menjimatkan tanah di kawasan pembinaan landasan.

“Saya akan melihat semula pengambilan tanah di beberapa kawasan terbabit berikutan ada penduduk merayu pengambilalihan tanah milik mereka dikurangkan,” katanya.

BH
30/10/16
MIS.24

RM400,000

jumlah pungutan sehari (tidak termasuk hujung minggu dan cuti perayaan) di pintu masuk Tambak Johor dan Link Kedua

Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru

Info



Tiong Lai (tiga dari kiri) bersama Siew Kiong meninjau ke kawasan landasan kereta api dan kawasan sekitar yang akan dijadikan zon penampungan untuk landasan berkembar kereta api elektrik Gemas-Johor Bahru ketika lawatan ke Tokong Pertubuhan Penganut Dewa Tai Poh Yah di Segamat.